

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 JULY 2017

Dakwaan Anwar tidak dilayan dengan baik

Dr. Mahathir terdesak

Ulm - 11/7/2017, pg. 9

Oleh C. SHEILA RANI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 JULAI

DAKWAAN terbaharu Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung layanan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini dan tindakan menahannya, jelas menunjukkan bekas Perdana Menteri itu semakin terdesak ketika ini.

Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI), Tan Sri Dr. K. Kenneth Eswaran berkata, kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) baru-baru ini juga menunjukkan Dr. Mahathir sanggup merendahkan martabat dirinya untuk meraih simpati

daripada rakyat Malaysia kerana pilihan raya umum akan diadakan pada bila-bila masa.

Malah katanya, rakyat Malaysia cukup matang untuk menilai sandiwara terbaharu Dr. Mahathir dan beliau yakin mereka juga dapat melihat dengan jelas taktik dan kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin itu.

“Sebenarnya, Dr. Mahathir bimbang dengan siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai kerugian Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) pada zaman pentadbirannya dari tahun 1981 sehingga 2003.

“Ini merupakan satu percubaan untuk mengalihkan perha-



K. KENNETH
ESWARAN

tian daripada masalah sebenar,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Kenneth berkata, ketika ini, perkara yang betul untuk Dr. Mahathir melakukan adalah memohon maaf kepada rakyat berhubung salah laku sebelum ini dan cubaannya untuk mengelirukan mereka dengan

pembohongan dan tindakannya.

“Masa depan negara berhadapan dengan risiko dan sudah tiba masanya bagi rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat bersatu dan menolak penipuan yang dimainkan oleh pihak pembangkang terutamanya Dr. Mahathir,” katanya.